



## KERTAS KERJA

### NAIK TARAF KEMUDAHAN SURAU IMAM HASAN AL BANNA SMK KETARI 28700 BENTONG, PAHANG

#### 1. PENDAHULUAN

Surau adalah rumah Allah iaitu tempat yang paling penting bagi semua umat Islam. Surau menjadi nadi utama bagi program-program keagamaan,, kemasyarakatan yang dilaksanakan di Surau Imam Hasan Al Banna di SMK Ketari, Bentong. Ceramah-ceramah agama , program bina insan, program bacaan Yasin pada setiap hari Jumaat, program-program Solat Hajat , Amali Pengurusan Jenazah , Amali Haji dan Umrah dan lain-lain. Surau yang selesa adalah penting untuk mencapai objektif program-program yang dijalankan. Maka program untuk menaik taraf Surau Imam Hasan Al Banna telah mula dijalankan mulai tahun 2018 secara berperingkat.

Surau ini merupakan surau **wakaf** hasil sumbangan orang perseorangan, ibu bapa dan guru-guru SMK Ketari yang menelan belanja hampir RM100,000. Buat masa sekarang surau ini mampu untuk menampung seramai 150 orang sahaja pada satu masa. Pada masa program dijalankan pihak AJK terpaksa menyusun kerusi di luar bangunan surau. Oleh yang demikian , timbul keperluan kepada ruang tambahan surau yang lebih selesa serta tambahan bumbung yang beroda untuk menampung kapasiti pelajar dan guru Islam. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak AJK Surau untuk mencari dana dan memperbaiki prasarana di surau. Walau bagaimana pun , masih terdapat kekurangan yang perlu diperbaiki , maka usaha menaik taraf surau perlu diteruskan lagi.

#### 2. MATLAMAT

- 2.1 Mewujudkan satu tempat medan dakwah yang selesa bagi warga muslim .
- 2.2 Mewujudkan tempat ibadah yang selesa dan lengkap dengan prasana yang diperlukan untuk sesebuah surau.
- 2.3 Menjadikan kawasan yang selesa kepada warga muslim untuk mengadakan perbincangan, majlis ilmu, PdPc atau aktiviti kokurikulum

#### 3. OBJEKTIF

- 3.1 Melengkapkan bumbung tambahan beroda / garaj beroda serta lantai berjubin
- 3.2 Membina tempat letak kasut

- 3.3 Memasang alat pendingin hawa
- 3.4 Memasang papan tanda berkaitan surau seperti tanda arah, doa-doa dan sebagainya.

#### **4. AHLI JAWATAN KUASA**

**Pengerusi**

Puan Hajah Zainab binti Harun ( Pengetua)

**Naib Pengerusi**

Puan Faridah binti Mohamad Saukani (PK Pentadbiran)

**Setiausaha**

Ustazah Halimah binti Omar

**Bendahari**

Ustaz Shamsuri bin Abdul Mutalib

**Ahli Jawatankuasa**

Encik Rostam bin Abdullah (GPK KoKurikulum)

Puan Mariah binti Md. Yamin ( Kaunselor)

Encik Mohamad Latif bin Yaakob (Kaunselor)

Encik Mohd Akmal bin Mokri (Setiusaha PIBG)

Puan Salina binti Zakaria (Ketua Bidang Bahasa)

#### **5. ANGGARAN PERBELANJAAN**

<b>BIL.</b>	<b>KETERANGAN ITEM</b>	<b>ANGGARAN HARGA (RM)</b>
1.	1 UNIT BUMBUNG GARAJ BERODA (SEBUT HARGA DISERTAKAN)	5,500.00
2.	1 UNIT PENGHAWA DINGIN	4,500.00
3.	MEMBINA 4 UNIT RAK KASUT BESI	2,000.00
4.	TEMPAHAN PAPAN TANDA	3,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>15,000.00</b>

#### **6. SUMBER KEWANGAN**

MEMOHON SUMBANGAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM  
MELAYU PAHANG

## **PENUTUP**

Naik taraf surau ini memang ditunggu-tunggu dan diharapkan oleh semua warga muslim sekolah ini, serta ibu bapa. Ini kerana, dengan adanya bumbung ini maka murid akan mendapat keselesaan semasa mengadakan sesi PdPc , aktiviti kokurikulum, perbincangan sewaktu petang dan aktiviti boleh dilaksanakan di sini dengan lebih baik serta selesa. Sumbangan dari pihak penderma amatlah dialu-alukan demi mencapai impian warga sekolah ini. Pihak jawatankuasa yang dilantik akan sedaya upaya berusaha agar naik taraf surau ini dapat disiapkan dengan seberapa segera demi kemudahan semua murid muslim khususnya dan warga sekolah amnya. Pihak jawatan kuasa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan hasrat murni ini. Adalah diharapkan segala sumbangan yang disalurkan mendapat kerahmatan dan keredhaan dari Allah SWT di dunia dan di akhirat. InsyaAllah.

Disediakan oleh

.....  
(HALIMAH BINTI OMAR )  
Setiausaha Surau Imam Hasan Al Banna

Disahkan oleh

.....  
(ZAINAB BINTI HARUN )  
Pengetua

# LAMPIRAN